

Kenanga Research Kekal Saranan "Outperform" Terhadap Benalec Pada Harga Sasaran RM1.25

Bernama

14 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kenanga Research mengekalkan saranan "outperform" ke atas saham Benalec Holdings Bhd dengan harga sasaran tidak berubah pada RM1.25.

"Walaupun prestasinya berkemungkinan terjejas dalam jangka pendek disebabkan perubahan tertentu dalam prosedur penjualan tanah, tinjauan jangka panjang kekal kukuh," demikian menurut firma penyelidikan itu dalam satu nota Jumaat.

Benalec mempunyai konsesi tanah berhadapan laut yang menarik di Johor, yang

dijangka mula memberi sumbangan secara beransur-ansur bagi tahun kewangan 2015 dan seterusnya, kata syarikat.

Syarikat itu, dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, berkata unitnya menjual empat bidang tanah kosong pegangan pajakan secara tunai pada RM48.1 juta.

Kenanga Research melihat perkembangan ini sebagai positif dan berkata Benalec bakal mencatatkan keuntungan tambahan sebanyak RM14.7 juta daripada penjualan berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021920>